

# Hospital Permata terbaik di Asia

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 JUN

**H**OSPITAL Pakar Kanak-Kanak Permata bakal menjadi sebuah hospital terbaik di peringkat Asia yang memberi perkhidmatan rawatan komprehensif untuk golongan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Projek hospital itu, Prof. Datuk Dr. A. Rahman A. Jamal berkata, hospital berkenaan akan mempunyai kepakaran dalam ujian saringan genetik yang sukar dikesan dan dikenal pasti termasuk merawat penyakit kronik lain.

Katanya, pada masa ini, ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang berpenyakit perlu ke hospital di luar negara termasuk hospital berasingan di negara ini demi mendapatkan rawatan berkaitan.

"Hospital ini akan menjadi pusat sehati yang dijangka siap pada 2018 di samping memfokuskan dari segi penyelidikan dalam bidang penyakit genetik melalui data yang kita ada kerana pesakit kita berbeza ciri dan sifatnya dengan pesakit luar negara.

"Hospital ini juga kita akan cuba tingkatkan dari segi nilai perkhidmatan terbaik melalui penggunaan teknologi baharu supaya pesakit dan ibu bapa lebih selesa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja bertajuk 'Penjagaan Perubatan

Terperinci untuk Kanak-Kanak' dalam Persidangan Antarabangsa Permata 2016, di sini hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, pembangunan hospital pertama seumpamanya di negara ini memberikan cabaran dari segi pelaksanaan supaya ia mampu menjadi sebuah hospital pintar.

Katanya, hospital yang menelan kos pembangunan sebanyak RM600 juta itu akan turut memberikan rawatan bersubsidi mengikut kadar minimum yang ditetapkan kerajaan kepada pesakit.

"Kita akan merangka pangkalan data terbaik di samping penggunaan teknologi canggih seperti memberi kemudahan kepada pesakit mendapatkan parkir dan membuat pendaftaran hanya melalui telefon pintar mereka," katanya.

Selain ujian saringan genetik pertama di negara ini, beliau berkata, hospital berkenaan juga akan menumpukan bidang rawatan lain seperti pemindahan sumsum tulang untuk merawat penyakit thalassemia dan leukemia.

Di samping itu, jelasnya, segala rawatan berkaitan jantung juga boleh diperolehi di sini dan pesakit boleh membuat pembedahan dan penjagaan sehari serta kadar penyembuhan lebih cepat.

"Kita juga akan mempunyai pusat pembangunan dan pemulihan kanak-kanak yang terbaik seperti untuk pesakit autisme yang boleh dikesan di peringkat awal serta dirujuk kepada Permata Kurnia untuk program pendidikan untuk golongan ini," katanya.



A. RAHMAN A. JAMAL